



**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2009**

**1249/1**

**(OTI 2)**

**SEJARAH SPM**

Kertas 1

September

1 jam

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

*Disediakan oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

*Dicetak Oleh:*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C, dan D. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

Maklumat berikut menerangkan sumbangan tamadun Mesir Purba.

Orang Mesir Purba memperkenalkan sistem kalendar  
365 hari berdasarkan 12 bulan dalam setahun

1 Apakah bidang yang berkaitan dengan sumbangan tersebut?

- A Agama
- B Falsafah
- C Astronomi
- D Kepercayaan

Sungai-sungai berikut mempunyai satu ciri persamaan

- Sungai Nil
- Sungai Indus
- Sungai Hwang Ho

2 Apakah persamaan tersebut?

- A Tempat ibadat
- B Tempat pemujaan
- C Tempat pertarungan
- D Tempat bermulanya tamadun awal

Senarai di bawah menunjukkan tokoh-tokoh dalam tamadun Rom dan tamadun China.

- Julius Caesar
- Shih Huang Ti


3 Apakah sumbangan kedua-dua tokoh di atas?

- A Membentuk empayar
- B Membina kubu pertahanan
- C Membentuk sistem republik
- D Menubuh birokrasi awam

4 Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?

- A Raja sebagai ketua kerajaan
- B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
- C Dewan Negara meluluskan belanjawan
- D Dewan Rakyat menentukan ketua negara


Rajah di bawah menunjukkan jumpaan bahan arkeologi di Asia Tenggara.



5 Apakah kaitan penemuan bahan arkeologi di atas dengan kerajaan maritim?

- A Pengaruh Hindu Buddha
- B Pusat pengumpulan barang
- C Kemajuan pelabuhan entreport
- D Kewujudan kerajaan tertua di Asia Tenggara

Konsep di bawah berkaitan dengan sistem beraja dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.



6 Apakah kepentingan konsep-konsep tersebut kepada seseorang raja ?

- A Membezakan status raja
- B Menunjukkan kuasa sakti
- C Melambangkan konsep daulat
- D Memperkukuhkan kedudukan

7 Masyarakat Arab Jahiliyah mengamalkan sistem Kabilah dengan mengamalkan semangat assabiah. Apakah yang dimaksudkan dengan semangat assabiah?


- A Sifat sayangkan ahli keluarga.
- B Perasaan kesukuan yang menebal.
- C Semangat bantu-membantu antara ahli.
- D Wujud kerjasama yang erat antara suku

- 8 Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu kedua daripada Allah di Makkah. Apakah perintah yang terkandung dalam wahyu tersebut ?
- A Membasmi kejahilan.
  - B Menyebarkan ilmu pengetahuan untuk membina kemajuan
  - C Menyebarkan ajaran Islam termasuk memperluaskan ajaran al-Quran
  - D Mewujudkan kerjasama dengan orang bukan Islam

Dakwah secara rahsia dan terbuka

- 9 Mengapakah pendekatan dakwah Islam secara rahsia peringkat awal Nabi Muhammad sangat penting?
- A Menghindari kewujudan nabi-nabi palsu
  - B Menjaga hati ketua-ketua kabilah
  - C Mengelakkan ancaman bunuh kaum Quraisy
  - D Mendapatkan sokongan daripada sahabat karib

Rajah di bawah merujuk kepada penghijrahan orang Islam.



- 10 Apakah faktor yang mendorong mereka berhijrah?
- I Jaminan keadilan sosial
  - II Jaminan kemakmuran ekonomi
  - III Keselamatan mereka dijamin
  - IV Kesanggupan orang Madinah mempertahankan Islam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Senarai di bawah merujuk kepada tokoh dalam sejarah Islam.

- Uthman bin Affan
- Suhail bin Amru

11 Apakah persamaan di antara kedua-dua tokoh terlibat?

- A Panglima tentera Islam
- B Perunding dalam Perjanjian Aqabah
- C Terlibat dalam peperangan al-Basus
- D Utusan dalam peristiwa di Hudaibiyah

Senarai di bawah merujuk merupakan kota-kota penting kerajaan Islam.

- Baghdad
- Damsyik
- Cordova

12 Apakah ciri persamaan yang terdapat pada ketiga-tiga kota tersebut?

- A Pusat kegiatan pertanian
- B Pusat kebudayaan Islam
- C Pusat kegiatan perlombongan
- D Pusat perkembangan ilmu pengetahuan

Maklumat di bawah berkaitan dengan jawatan dalam pentadbiran Islam

Sheikh ul-Islam

13 Apakah tujuan jawatan tersebut diwujudkan oleh kerajaan Turki Uthmaniyah?

- A Mengeluarkan fatwa
- B Menasihati pemerintah
- C Menyusun pentadbiran Islam
- D Mengeluarkan koleksi panduan ibadat

- 14 Mengapakah Asia Tenggara menjadi tumpuan pedagang sejak sebelum kemunculan agama Islam lagi?
- A Penduduk yang ramai
  - B Pelabuhan bebas cukai
  - C Kedudukan yang strategik
  - D Kekayaan bahan mentah
- 15 Terdapat dalam kalangan pedagang Islam yang berada di Asia Tenggara diberikan beberapa keistimewaan oleh pemerintahan tempatan. Apakah keistimewaan tersebut?
- A Dilantik sebagai pembantu raja
  - B Diberi jawatan sebagai syahbandar
  - C Diberi pangkat dan hadiah yang banyak
  - D Dikahwinkan dengan anak raja tempatan
- 16 Apakah yang dimaksudkan dengan *parilineal* dalam adat Temenggung?
- A Mengutamakan jurai keturunan ibu
  - B Mengutamakan jurai keturunan bapa
  - C Memberi fokus kepada Adat Temenggung
  - D Memberi fokus kepada adat Minangkabau
- 17 Proses baiah yang diajar dalam Islam mempengaruhi adat istiadat pertabalan dalam masyarakat Melayu tradisional. Apakah aspek yang dimaksudkan?
- A Lafaz ikrar
  - B Pembacaan ciri
  - C Menjunjung duli
  - D Amalan protokol

Rajah di bawah berkaitan dengan sumbangan dalam bidang pertanian.



- 18 Apakah sumbangan tokoh di atas dalam bidang Pertanian?
- A Mencipta penggunaan baja tiruan
  - B Memperkenalkan tanaman baru
  - C Memperkenalkan sistem penggiliran tanaman
  - D Mencipta peralatan untuk menggali dan menugal

Jadual di bawah merujuk kepada akta yang digubal oleh Parlimen Britain.

Tahun	Akta
1847	Akta Sepuluh Jam

- 19 Akta di atas digubal khusus untuk pekerja dalam perusahaan
- A tekstil  
B pertanian  
C arang batu  
D perlombongan
- 20 Mengapakah pengenalan Akta Tanah Simpanan Melayu dikatakan untuk menjaga kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu?
- I Keluasannya kecil  
II Tanahnya tidak subur  
III Sesuai ditanam dengan getah  
IV Terletak di kawasan luar bandar
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 21 Apakah bukti yang menunjukkan kedudukan Asia Tenggara amat strategik sehingga menarik minat imperialis Barat?
- A Berada di kawasan yang subur  
B Terletak di zon ekonomi yang pesat  
C Kedudukannya di antara laluan China dan India  
D Lokasinya di kawasan petempatan yang amat padat

Pernyataan di bawah berkaitan dengan perubahan pentadbiran dilaksanakan di negeri-negeri Melayu.

British memperkenalkan Sistem Residen dan Sistem Penasihat
--

- 22 Siapakah yang menjadi ketua kepada residen dan penasihat British?
- A Raja-raja Melayu  
B Pesuruhjaya Tinggi British  
C Gabenor Negeri-Negeri Selat  
D Pejabat Tanah Jajahan London

- 23 Apakah yang dimaksudkan dengan gerakan nasionalisme?
- A Gerakan masyarakat untuk memajukan diri.
  - B Gerakan penentangan untuk mengawal hala tuju masyarakat.
  - C Gerakan penentangan oleh masyarakat tempatan terhadap kuasa luar.
  - D Gerakan penentangan oleh masyarakat tempatan untuk mendapat kuasa politik

James Brooke bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang pada tahun 1853

- 24 Berdasarkan maklumat di atas mengapakah James Brooke bertindak sedemikian?
- A Mendapatkan hak memunggut cukai.
  - B Membalas serangan penduduk tempatan.
  - C Mengurangkan pengaruh pemimpin tempatan
  - D Menganggap orang Iban di Sungai Skrang sebagai lanun.
- 25 Mengapakah Sultan Abu Bakar digelar 'Bapa Johor Moden'?
- A Memajukan pendidikan moden
  - B Memperkenalkan perlembagaan bertulis
  - C Sumbangan dalam bidang ilmu pengetahuan
  - D Sumbangan terhadap pembangunan negeri Johor
- 26 Apakah sumbangan Sultan Muhammad II terhadap sistem pentadbiran di Kelantan?
- A Membentuk Sistem Jemaah Menteri
  - B Memperkenalkan perlembagaan negeri
  - C Mengasaskan sistem pemerintahan beraja
  - D Melantik kerabat diraja mengetuai pentadbiran negeri




Alam beraja  
 Luak berpenghulu  
 Suku berlembaga  
 Anak buah berbuapak

27 Perbilangan adat di atas menunjukkan Negeri Sembilan mengamalkan pemerintahan

- A monarki
- B autokrasi
- C demokrasi
- D aristokrasi

Rajah di bawah merujuk kepada akhbar yang terlibat dalam penentangan terhadap Malayan Union.



28 X merujuk kepada

- A Neraca
- B Al Imam.
- C Lidah Benar
- D Utusan Melayu

Penyataan di bawah berkaitan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952

Pakatan UMNO dan MCA memenangi 9 daripada 12 kerusi yang di pertandingkan.

29 Kemenangan tersebut menunjukkan bahawa rakyat

- A menyokong parti pelbagai kaum
- B mahukan kemerdekaan
- C inginkan perpaduan
- D Senang dipengaruhi

- 30 Apakah usaha Dato Onn bin Jaafar untuk mewujudkan Pakatan Murni?
- A Menubuhkan Persidangan Kebangsaan
  - B Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
  - C Mencadangkan pembentukan Parti Perikatan
  - D Membuka keahlian UMNO kepada semua kaum


- 31 Apakah implikasi penubuhan Malaysia ke atas Asia Tenggara?
- A Wujud kestabilan politik
  - B Perpaduan dalam kalangan negara
  - C Bebas daripada pengaruh kuasa besar
  - D Kemajuan sosio-ekonomi negara-negara Asia Tenggara

Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar konfrontasi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia

Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di negara-negara Afro-Afrika dan negara Dunia Ketiga

- 32 Apakah tindakbalas Malaysia yang menggambarkan kebijaksanaan pemimpin negara?
- A Menghantar surat bantahan kepada kerajaan Indonesia
  - B Mengadakan persidangan memulihkan nama baik Malaysia
  - C Memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Indonesia
  - D Menghantar delegasi ke Afrika menjelaskan hubungan Malaysia-Indonesia
- 33 Apakah pertubuhan yang telah berjaya memulihkan hubungan Malaysia, Indonesia dan Filipina akibat daripada penubuhan Malaysia?
- A ASA
  - B EAEC
  - C ASEAN
  - D MAPHILINDO

Rajah di bawah menunjukkan konsep pengasingan kuasa pemerintahan di Malaysia



34 Apakah tujuan konsep pengasingan kuasa ini diwujudkan?

- A Mengelak pembolotan kuasa
- B Menstabilkan pentadbiran negara
- C Memajukan sistem ekonomi Persekutuan
- D Memudahkan proses penggubalan undang-undang

- Jata Negara
- Jalur Gemilang
- Lagu Kebangsaan

35 Apakah fungsi lambang-lambang di atas?

- I Memperkasakan jati diri
- II Mengukuhkan perpaduan
- III Melicinkan pentadbiran pusat
- IV Menggambarkan kekuatan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Pernyataan di bawah berkaitan dengan syarat menjadi calon pilihan raya.

Dato' Khan bercadang hendak bertanding dalam pilihan raya kecil kawasan X. Namun, percalonan beliau telah ditolak.

36 Apakah perkara yang mungkin menyebabkan pencalonannya ditolak?

- A Berumur melebihi 21 tahun
- B Bermaustautin di Malaysia
- C Bukan seorang yang muflis
- D Bukan warganegara Malaysia

- 37 Mengapakah perpaduan menjadi keutamaan dalam pembentukan dasar kerajaan kita?
- A Perpaduan asas kekuatan negara
  - B Perpaduan menjamin tatasusila rakyat
  - C Perpaduan menjamin amalan demokrasi
  - D Perpaduan mengimbangi perbezaan kaum

38

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1977.

Apakah matlamat penubuhan universiti tersebut?

- A Melambangkan identiti negara
  - B Memelihara keperibadian kebangsaan
  - C Memperkukuhkan perpaduan nasional
  - D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu
- 39 Antara berikut, manakah langkah kerajaan untuk mencapai matlamat k-Masyarakat?
- I Menubuhkan sekolah bestari
  - II Menggalakan pendidikan swasta
  - III Mengutamakan pekerja profesional asing
  - IV Mementingkan teknologi maklumat
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 40 Apakah cadangan Malaysia untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi negara Islam?
- A Penubuhan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan
  - B Mengenakan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman
  - C Memberi perkhidmatan kewangan
  - D Penggunaan dinar emas

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

NO. KAD PENGENALAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2009**

**1249/2**

**(OTI 2)**

**SEJARAH SPM**

Kertas 2

September

2 ½ jam

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
5. *Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

*Disediakan oleh:*

**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*


**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

*Dicetak Oleh:*


*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*

*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak



- 1 (a) (i) Berikan maksud kerajaan agraria
- .....
- [1 markah]
- (ii) Nyatakan lokasi kerajaan agraria
- .....
- [1 markah]
- (b) Nyatakan dua kegiatan ekonomi masyarakat agraria di Asia Tenggara.
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (c) Bagaimanakah pengaruh keadaan geografi kerajaan Kedah Tua berjaya membantunya menjadi pusat perdagangan di Asia Tenggara?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (d) Mengapakah kerajaan maritim amat memerlukan kerajaan agraria?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (e) Seandainya anda ingin memajukan kawasan anda sebagai pusat perdagangan antarabangsa, apakah usaha yang perlu anda lakukan?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]



2 (a) Namakan **dua** negara Eropah yang melakukan penjelajahan dan penerokaan ke Timur?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Apakah barangan dari Timur yang sangat diperlukan oleh orang Eropah?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Nyatakan **tiga** sebab penjelajahan orang Eropah ke Timur?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]


(d) Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh diambil oleh generasi muda hari ini daripada zaman penjelajahan dan penerokaan Barat?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]



3 (a) Senaraikan syarat-syarat untuk menjadi sultan di Johor dan Terengganu

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Namakan dua badan Jemaah Menteri di Kelantan

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Nyatakan kepentingan Undang-Undang Tubuh negeri Johor dan Terengganu.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah isu-isu yang menjadi panduan untuk merangka perlembagaan yang mantap di negara kita?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]



Pada abad ke-21 ini muncul revolusi teknologi maklumat yang membawa perubahan besar kepada kehidupan kita

4 (a) Apakah maksud K-masyarakat?

.....  
[1 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk melahirkan K-masyarakat yang maju dan saintifik?

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....  
[3 markah]

(c) Senaraikan kesan-kesan globalisasi kepada dunia kini.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....  
[3 markah]

(d) Sebagai pelajar, apakah langkah-langkah yang perlu anda lakukan bagi menghadapi cabaran globalisasi?

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....  
[3 markah]


Kerajaan Turki Uthmaniyah bermula pada awal abad ke-14 dan berakhir pada awal abad ke-20 telah memberi sumbangan yang besar kepada peradaban dunia.

- 5 (a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kerajaan Turki Uthmaniyah berjaya menyebarkan Islam di Eropah. [8 markah]
- (b) Terangkan sumbangan kerajaan Turki Utmaniyah terhadap perkembangan Islam [8 markah]
- (c) Sekiranya anda seorang mubaligh yang menyebarkan Islam di Eropah pada abad ke-14 Masihi, apakah ciri-ciri yang mesti anda miliki bagi melaksanakan misi tersebut? [4 markah]
- 6 (a) Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab telah dikemukakan oleh John Crawford dan disokong oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas.
- Apakah bukti-bukti yang telah dikemukakan bagi menyokong teori tersebut? [8 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri mata wang yang digunakan dalam kerajaan Melayu tradisional setelah kedatangan Islam. [7 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam ekonomi negara? [5 markah]

Nasionalisme ialah perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air.

- 7 (a) Terangkan faktor-faktor yang mendorong kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara. [8 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang gerakan nasionalisme di Filipina. [7 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah semangat nasionalisme perlu dipupuk sejak daripada bangku sekolah lagi? [5 markah]

- 8 (a) Pada pengetahuan sejarah anda, nyatakan usaha-usaha Parti Perikatan untuk mencapai kemerdekaan negara [7 markah]
- (b) Jelaskan isu-isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. [7 markah]
- (c) Nyatakan kepentingan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada negara kita? [6 markah]



- 9 (a) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong [6 markah]

Menurut konsep pengasingan kuasa, pemerintahan negara kita dibahagikan kepada tiga cabang seperti dalam rajah di atas.

- (b) (i) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah undang-undang digubal? [4 markah]
- (ii) Apakah kuasa dan peranan Badan Kehakiman? [4 markah]
- (c) Bagaimanakah anda menunjukkan ketaatan kepada raja dan negara Malaysia? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT